Minyak boleh jadi senjata

BH 4 OCT 2002

MELAKA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, minyak boleh dijadikan senjata berkesan menghalang penindasan berterusan dunia Barat terhadap umat Islam.

Perdana Menteri berkata, sekatan terhadap pengeluaran komoditi itu boleh dijadikan ugutan dan pengajaran kepada pengguna di negara maju supaya tidak menindas umat Islam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, umat Islam, terutama Pertubuhan Negara Pengeluar dan Pengeksport Minyak (Opec) yang menguasai pengeluaran minyak dunia tidak pernah sepakat.

"Jika ada pihak dalam Opec mahu menyekat pengeluaran minyak, ada pula pihak lain terus membekalkan minyak sama ada secara sah atau haram. Minyak ini boleh dijadikan senjata, boleh ugut dunia yang kuat," katanya pada majlis dialog selepas menyampaikan ucaptama pada Konvensyen Dunia Melayu Islam Ketiga 2002, di Riviera Bay Resort, di sini, hari ini. Hadir sama Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd Ali Rustam.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata, minyak adalah satu-satunya yang ada pada negara Islam dan amat diperlukan seluruh dunia.

Justeru, katanya negara Islam dalam Opec boleh menentukan bekalan untuk dunia dan jika bekalan dipotong, maka orang tidak akan menekan negara Islam dengan begitu kuat.

berkesan halang penindasan Barat

"Tetapi mereka (anggota Opec) bergaduh sesama sendiri...ada yang mahu memotong bekalan (minyak), ada yang ingin membekalkannya. Jadi kita tak boleh menggunakan minyak sebagai senjata," katanya.

Ditanya sama ada keangkuhan Amerika Syarikat mahu menyerang Iraq disebabkan kepentingan minyak, beliau berkata, walaupun Iraq negara pengeluar minyak, hakikat sebenarnya adalah kerana faktor Afghanistan.

Katanya, ini kerana minyak dari Asia Tengah tidak boleh sampai ke laut tanpa melalui Afghanistan.

Beliau berkata, disebabkan alasan itu, ada yang menyatakan bahawa perasaan jahat terhadap Afghanistan adalah kerana mereka enggan membenarkan paip minyak dibina melalui Afghanistan.

Dr Mahathir berkata, terpulang kepada negara Islam mengenai apa yang boleh mereka lakukan kerana keanggotaan dalam Opec juga termasuk negara bukan Islam.

Sementara itu, ketika melancarkan Melaka Tropical Fruit Farm (MTFF) di Selandar, Perdana Menteri meminta petani melaksanakan pertanian bercampur bagi meningkatkan pendapatan.

Katanya, produk pertanian, terutama buah-buahan tempatan lazimnya bermusim yang kadang kala terlalu banyak di pasaran dan ia sekali gus menyebabkan harganya terlalu rendah.